

"Ya Tuhan, ya Allah kami!
Hanya Engkau yang layak menerima
kemuliaan, kehormatan dan kuasa,
kerana Engkaulah yang mencipta
segala-galanya, dan dengan
kehendak-Mu segala-galanya
wujud dan dicipta."

Wahyu 4:11 (AVB)

CEPTAAN

Tuhan Yang Indah

Sabat Penciptaan
OKTOBER 28, 2023



Lagu Tema

Lagu: Semua Terang dan Indah (*All Things Bright and Beautiful*) oleh Bill Staines

*Semua terang dan indah
Mahkluk sekalian
Semua hal yang ajaib
Tuhan yang ciptakan

Tiap bunga berkembang
Dia bri warna yang indah
Tiap burung yang terbang
Dia bri suara yang merdu

Ulang*

Dia bri kita mata
Untuk melihat dunia
Hingga bibir berkata
semuanya sempurna



Ulang*



Semua Terang dan Indah

All Things Bright and Beautiful

(Easy Piano)




©MichaelKravchuk.com

<https://michaelkravchuk.com/free-piano-arrangement-sheet-music-all-things-bright-and-beautiful/>

 SABAT

Penciptaan 2023

Bagaimanakah persekitaran mempengaruhi kita?



Kita hidup dalam persekitaran yang mempunyai ekosistem di mana benda hidup (haiwan dan tumbuhan) berinteraksi dengan benda bukan hidup (cuaca, tanah, matahari, dll).

Berikut merupakan contoh interaksi itu dalam sebuah ekosistem.

- Cahaya matahari membantu tumbuhan membuat makanan melalui fotosintesis. Proses ini membebaskan oksigen ke atmosfera. Tumbuhan juga bernafas (respirasi) dan membebaskan karbon dioksida dan wap air.
- Wap air yang dibebaskan melalui respirasi tumbuhan naik ke udara dan membentuk awan.
- Apabila awan memeluwap, ia jatuh ke Bumi sebagai embun atau hujan.
- Hujan melembapkan tanah, memenuhi sungai-sungai, dll, dan menyebabkan tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok tumbuh. Tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok membuatkan persekitaran kita nyaman dan sejuk, dan membekalkan makanan kepada semua makhluk ciptaan Tuhan.

Kitaran dalam ekosistem ini berterusan. Adalah penting bagi kita untuk memelihara alam sekitar tempat kediaman kita supaya semua komponen dalam ekosistem boleh melakukan bahagian mereka bagi mewujudkan persekitaran yang sihat untuk semua orang. Alangkah menakjubkan bagaimana Tuhan menciptakan semua ini untuk kita!

Membuat Ekosistem Sendiri: Terarium



Bahan yang diperlukan:

- Tumbuhan kecil
- Tanah dan batu kerikil
- Lumut
- Batu menarik dan dekorasi miniatur lain
- Balang kaca yang bersih bersaiz sederhana dengan penutup

Apa yang perlu dilakukan:

- Dalam balang kaca yang bersih dan kering, susun batu-batu kerikil kira-kira 2-3 cm tinggi.
- Seterusnya tambahkan selapisan tanah.
- Masukkan tumbuhan terbesar anda dahulu.
- Letakkan batu lain, lumut atau pasir untuk menutupi tanah seperti yang anda mahukan. Hias dengan ranting atau dekorasi lain.
- Sembur air pada tanaman dan tanah anda dan tutup balang.
- Anda tidak perlu menyiram taman anda lagi selagi anda membiarkan balang tertutup. Pemeluwapan wap air dari respirasi tumbuhan akan menghasilkan air untuk tumbuhan. Cubalah dan lihat taman anda tumbuh!





Fakta Menarik:

- Ahli Botani, Nathaniel Bagshaw Ward, membuat terarium pertama pada tahun 1842.
- “Terarium” bermaksud tempat untuk tanah, kerana “tera” bermaksud bumi atau “berkaitan dengan tanah.”
Ia sebuah taman mini.

Tuhan menciptakan bunga-bunga bukan sahaja untuk kita nikmati tetapi juga supaya lebah boleh membuat madu. Firman Tuhan seperti madu yang menyegarkan, menyihatkan, membangkitkan, menyembuhkan, dan memberi harapan.

Mazmur 119:103 (AVB),
"Betapa manisnya kata-
kata-Mu bagiku, lebih
daripada madu bagi
lidahku."



Tuhan juga menciptakan lebah. Lebah mengumpul nektar dari bunga-bunga.



Lebah menukar nektar menjadi madu dan menyimpannya dalam sarang.



Dari manakah datangnya madu?



Kita menggunakan madu dalam makanan.




Madu dikumpul dari sarang lebah.




Mahhluk yang Unik

Platipus mempunyai badan yang menyerupai burung dan mamalia. Haiwan ini mempunyai ciri-ciri gabungan spesies lain yang menghairankan.

Paruh dan kaki berselaput (itik) 

Ekor (beaver) 

Badan dan bulu (memerang). 

Ciri-cirinya yang unik memberikan bukti kukuh bahawa semuanya diciptakan oleh Pencipta yang luar biasa.

NAMA BIASA: Platipus

NAMA SAINTIFIK: *Ornithorhynchus anatinus*


JENIS: Mamalia


PEMAKANAN: Karnivor

SAIZ: Kepala dan badan: 15 inci; ekor: 5 inci

BERAT: 3 paun (1.5 kg)

PEMBIAKAN: Telur!





Kita boleh melakukan bahagian kita dalam menjaga alam sekitar melalui tabiat yang baik.



- Dermakan pakaian yang sudah tidak sesuai saiznya untuk anda.
- Asingkan sampah—plastik, kertas dan sisa makanan.
- Kurangkan penggunaan plastik dengan membawa beg eko sendiri untuk membeli-belah dan bawa kontener sendiri untuk menyimpan lebihan makanan.
- Perbaiki bahan yang masih boleh digunakan.
- Gunakan sisa makanan sebagai kompos untuk taman anda.



Ikrar Saya

Saya akan melakukan yang terbaik untuk memelihara bumi dengan:

- *Mengitar semula*
- *Menjimat air*
- *Menggunakan semula*
- *Tidak membuang merata-rata*
- *Memelihara tumbuhan*
- *Menyayangi haiwan*


Kata Silang

Perkataan diambil dari lagu tema
Petunjuk diberikan



Word Bank

1. Dunia
2. Ciptakan
3. Warna
4. Ajaib
5. Merdu
6. Indah
7. Terang
8. Bunga
9. Sempurna
10. Burung



Pergi berjalan-jalan di alam bersama keluarga anda dan lihat berapa banyak benda-benda ini yang anda nampak di sepanjang perjalanan anda.

jambatan



ular

serangga



burung



pokok




kupu-kupu



kayu mati



batu



kolam atau sungai



ikan

katak



cicak



binatang



bunga



Doa

Ya Tuhan,

Engkaulah yang layak, sebagai Tuhan kami, untuk menerima kemuliaan, kehormatan dan kekuasaan, kerana Engkau telah menciptakan semua yang ada, dan dari kehendak-Mu semua itu diciptakan dan menjadi hidup. Bantulah kami untuk menjaga dunia yang Engkau telah sediakan sebagai tempat tinggal kami.

Ingatkan kami supaya sentiasa berjaga-jaga dalam tingkah-laku kami yang mungkin akan merosakkan persekitaran kami. Bantu kami supaya menjadi pengasih dan baik hati terhadap semua makhluk yang hidup. Semoga segala tindakan kami akan memuliakan-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

